

04 JUN 1999

MAHATHIR-BON

MALAYSIA BELUM PUTUSKAN PUSINGAN KEDUA TERBITAN BON

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia belum membuat keputusan mengenai terbitan bon kedua selepas berjaya melancarkan bon global 10 tahun pertama bernilai AS\$1 bilion di New York minggu lepas.

Perdana Menteri berkata soal sama ada terbitan itu akan dibuat dalam yen, euro atau dolar Amerika juga belum diputuskan.

Katanya beliau telah membincangkan perkara itu dengan Naib Menteri Kewangan Jepun Eisuke Sakakibara kerana kerajaan Jepun sanggup memberi sebahagian jaminan kepada sebarang bon terbitan Malaysia, sama ada dalam yen, euro atau dolar.

Ketika bercakap kepada pemberita sekembalinya dari lawatan seminggu ke Jepun, Dr Mahathir berkata Malaysia memasuki pasaran bon antarabangsa bukan semata-mata untuk mendapatkan dana tetapi yang lebih penting ialah untuk menentukan aras bagi penarafan kreditnya.

Ketika ditanya sama ada bon kedua akan diterbitkan, Dr Mahathir menjawab : "Kita akan lihat sama ada pasaran baik atau tidak."

"Sebenarnya, kita mahu tetapkan aras, bukan kita perlukan sangat wang itu. Kita perlu memasuki pasaran untuk menunjukkan nilai kita dan penarafan kita," katanya.

Minat pihak Jepun timbul selepas bon pertama Malaysia sebanyak AS\$1 bilion itu telah terlebih langganan sebanyak tiga kali dan ini menguatkan lagi keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia.

-- BERNAMA

AR MGM MAI